

# UMS anjur Mini Karnival Hari Wanita himpun wanita UMS

UB 9.3.2019 A2

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Program Mini Karnival Hari Wanita yang dianjurkan oleh Jakmas Kediaman Ecopark Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menghimpunkan sebahagian besar wanita di institut itu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) UMS Profesor Dr Ismail Ali berkata, program yang julung kali diadakan itu adalah bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut 8 Mac setiap tahun.

Katanya, sambutan itu membuktikan penglibatan dan peranan wanita dalam arus pembangunan amat penting dan

harus diberi penekanan.

“Peranan dan sumbangan wanita dalam pelbagai aspek serta bidang pada masa kini wajar dibanggakan kerana membuktikan golongan ini juga mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

“Menjadi harapan semua untuk melihat lebih ramai wanita menyumbang kepada kalangan masyarakat dan negara melalui pembangunan keluarga, ekonomi, pendidikan, kesihatan, politik, sosial, dan budaya.

“Oleh itu, dengan wujudnya forum serta program sebegini diharapkan dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya kedudukan wanita bukan sahaja dalam kalangan

masyarakat, bahkan di negeri kita sendiri, katanya merasmikan program berkenaan, di sini pada Jumaat.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni UMS Dr Lai Yeo Meng.

Bertemakan ‘Bold and Beautiful’, Ismail berkata, wanita adalah anugerah ciptaan tuhan yang paling hebat yang menjadi pendorong kejayaan dan penentu hala tuju negara masa hadapan.

Bagaimanapun, katanya, pada masa kini ramai wanita memberi fokus sepenuhnya mengejar kerjaya sehingga lupa menjalani hidup yang seimbang.

“Secara peribadi saya percaya tiada formula khusus

sebenarnya dalam keseimbangan hidup bekerjaya. Contohnya membahagikan masa 50 peratus di pejabat dan 50 peratus di rumah adalah mitos.

“Bagi saya, keseimbangan hidup bekerjaya hanya dapat dicapai apabila seseorang individu mampu mencapai tujuan kehidupan menerusi kemampuan mental, fizikal dan rohani,” katanya.

Terdahulu, pada program itu turut diadakan forum bersama panel jemputan seperti Hakim Mahkamah Sesyen Keningau Marlina Ibrahim, Pakar Perubatan dan Pemakanan UMS Profesor Madya Dr Nelbon Gillois serta turut hadir Pengarah Program Mini Hari Wanita 2019 Haafizhah Hamzah.



PESERTA merakam gambar kenangan bersama tetamu kehormat yang hadir pada Majlis perasmian Program Mini Karnival Hari Wanita di UMS pada Jumaat.